

19 AUG 2002
Polis-Masjid

POLIS JALANKAN SIASATAN BERHUBUNG BEREPUT JADI IMAM DAN KHATIB

MARANG, 19 Ogos (Bernama) -- Polis akan menjalankan siasatan berhubung kejadian mengambil alih tugas imam semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat di Masjid Losong Haji Mat Shafie, Losong, di sini, Jumaat lepas.

Ketua Polis Terengganu, SAC I Othman Talib berkata polis akan menjalankan siasatan berhubung kejadian itu mengikut Seksyen 296 Kanun Keseksaan.

"Siasatan itu dilakukan berdasarkan dua laporan yang dibuat Jumaat lepas oleh Timbalan Ketua Siasatan Jenayah II Terengganu Supt Mohamad Noor A. Mohamad dan seorang awam, Jaafar Omar yang menjadi ahli Qariah di situ," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat operasi latihan menghadapi bencana dan serangan pengganas, yang dinamakan "Ex-Rampas" di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berhubung kejadian seorang pegawai kanan kerajaan Pas Terengganu yang cuba mengambil alih tugas sebagai khatib dan imam semasa Dr Mahathir menunaikan solat Jumaat dalam rangka lawatannya ke negeri ini 16 Ogos lepas.

Pegawai kanan berkenaan dengan dibantu oleh beberapa individu dikatakan telah mendesak untuk menggantikan khatib tetap masjid itu bagi membaca khutbah Jumaat dan mengimamkan sembahyang.

Bagaimanapun kejadian itu dapat diselesaikan dengan baik apabila khatib tetap masjid berkenaan meneruskan tugasnya membaca khutbah manakala pegawai kanan yang bergelar "Datuk" itu pula menjadi imam.

Othman berkata laporan yang dibuat oleh pegawai polis itu menyebut Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Hussain Awang dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Peniaga Kecil dan Hal Ehwal Pengguna, Mohd Abdul Wahid Endut, cuba mencetuskan kekacauan di kawasan masjid itu kerana mereka merancang untuk menjadi khatib membaca khutbah Jumaat.

Manakala laporan oleh Jaafar pula menyatakan bahawa Ketua Polis Negeri dan sekumpulan anggota polis telah menghalang Hussain untuk meneruskan tugas sebagai khatib tamu pada solat Jumaat hari berkenaan, katanya.

Beliau berkata tujuan mereka berdua untuk menjadi khatib pada Jumaat lepas tidak kuat alasannya malahan khatib dan imam bertugas juga telah ditetapkan.

"Dengan tiba-tiba pihak Pesuruhjaya Terengganu mengeluarkan surat lantikan kepada Hussain...jadi tujuan itu nampak tak kemas lebih-lebih lagi Perdana Menteri akan sembahyang di situ," katanya.

-- BERNAMA
SN MRA ROS